

13 APR 1996

UMNO-Pendaftaran (Analisis Berita)

PENDAFTARAN CALON UMNO KIKIS AMALAN BURUK DALAM PARTI

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Langkah terbaru UMNO yang menghendaki anggota parti mendaftarkan nama dengan ibu pejabat parti itu jika ingin bertanding pada pemilihan Oktober depan, merupakan usaha mengikis gejala buruk yang kerap timbul semasa pemilihan.

Antara gejala itu ialah politik wang, sikap berpuak-puak dan adanya calon yang tidak ikhlas untuk bertanding tetapi hanya mahu memeralatkan anggota bagi kepentingan sendiri.

Sumber UMNO berkata pendaftaran itu juga merupakan satu cara berkesan bagi menghapuskan gejala "calon minit terakhir" dan mengelakkan berlakunya perebutan jawatan pada saat-saat terakhir khususnya yang membabitkan jawatan tinggi.

Sumber itu berkata gejala "calon minit terakhir" itu perlu dihapuskan bagi menjamin kestabilan parti kerana ia boleh menimbulkan "kekecohan" di kalangan anggota jika dibiarkan berlaku.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO mengumumkan peraturan yang menghendaki mereka yang mahu bertanding mendaftarkan diri itu, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 6 April lepas.

Mengikut peraturan baru itu, semua anggota yang ingin bertanding bagi apa-apa jawatan parti dikehendaki berdaftar dengan Ibu pejabat UMNO dalam tempoh sebulan mulai 8 April. MT juga menetapkan tempoh berkempen hanya selepas 1 Julai hingga hari pemilihan.

Mengikut garis panduan baru yang dijangka diumumkan bulan depan, ibu pejabat UMNO dengan kerjasama mana-mana Badan Perhubungan UMNO Negeri akan mengatur dan menjemput semua calon untuk menghadiri majlis-majlis berbentuk kempen yang diatur.

Sesebuah Badan Perhubungan UMNO Negeri tidak dibenarkan mengadakan kempen untuk calon tertentu sahaja tetapi ia perlu bersikap adil kepada semua calon.

Seorang pemerhati politik mendakwa satu lagi amalan buruk dalam UMNO ialah sikap berpuak-puak di kalangan calon-calon sendiri.

"Pada masa lepas apabila berlaku pertandingan muncullah calon-calon yang mendakwa mereka tajaan pemimpin ini dan pemimpin itu. Ini jelas pada pemilihan 1993 apabila hanya calon-calon yang menyertai kumpulan pemimpin tertentu dijemput menghadiri majlis yang dihadiri atau dirasmikan oleh pemimpin berkenaan," katanya.

Pemerhati politik itu juga berkata pendaftaran calon itu juga bagi mengelakkan perebutan jawatan khususnya jawatan presiden dan timbalan presiden parti.

"Walaupun perhimpunan agung UMNO tahun lepas meluluskan usul jawatan presiden dan timbalan presiden tidak ditandingi, namun dalam politik apa-apa boleh berlaku," katanya. Lagi pun usul itu bukanlah satu peraturan yang terkandung dalam perlembagaan UMNO.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat apabila ditanya mengenai kemungkinan adanya anggota yang mendaftarkan untuk bertanding bagi kedua-dua jawatan penting itu, berkata: "Biarkan, kita ingin tahu siapa yang hendak bertanding bagi jawatan apa."

Sumber politik itu juga tidak menafikan langkah terbaru itu akan mengurangkan politik wang yang ingin sangat dibendung UMNO.

Ini kerana calon-calon kini tidak boleh secara bebas menjalankan kempen yang didakwa kerap mengandungi unsur "menghulur dan menerima habuan."

"Masalah politik wang bukan sahaja membabitkan calon menabur duit kepada ahli bagi tujuan memancing undi. Ada ahli yang sebenarnya rela dirinya dipancing oleh calon kerana ingin menikmati habuannya nanti," katanya.

Bagaimanapun, katanya gejala politik wang tidak boleh diatasi sepenuhnya kerana ia boleh berlaku secara sulit dan di mana-mana... "di pulau peranginan, rumah, hotel atau luar negara. Menganjur lawatan ke luar negara untuk ahli atau memberi cenderhati pun boleh dilihat sebagai gejala rasuah kerana pemberi mengharapkan sesuatu daripada pengundi."

Beliau juga menasihati calon-calon supaya berhati-hati dan jangan mudah terpengaruh dengan mereka yang menunjukkan kesanggupan dipancing kerana ini mungkin satu perangkap.

"Jika seseorang calon didapati melakukan perbuatan itu mereka akan dikenakan tindakan dan pencalonan jua boleh dibatalkan," katanya.

Katanya, satu lagi rasional pendaftaran itu ialah mengelakkan wujudnya calon yang "tidak ikhlas."

"Golongan ini ialah mereka yang menawarkan diri untuk bertanding bagi sesuatu jawatan...tetapi menarik diri pada saat akhir setelah diberi habuan oleh lawannya," katanya.

"Dahulu ada ahli atau pemimpin yang awal-awal lagi sudah pergi ke merata-rata tempat untuk mendapatkan sokongan bahagian. Kemudian dia akan mendakwa kononnya dia bertanding kerana ada pencalonan," katanya.

Bagaimanapun amalan seumpama itu akan terhapus kerana mengikut sistem yang diperkenalkan itu, bahagian tidak perlu membuat pencalonan lagi. Bahagian kini hanya perlu "menerima" mana-mana nama daripada senarai nama mereka yang sudah mendaftar untuk menawarkan diri bertanding.

Bekas Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Mustapha Jabar pula berkata dengan adanya pendaftaran itu juga sesebuah Badan Perhubungan UMNO Negeri tidak boleh menghalang sesiapa daripada bertanding. -- BERNAMA

ARA NMO